



1 Ogos 2017
1 August 2017
P.U. (A) 228

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PELANCONGAN 2017

TOURISM TAX REGULATIONS 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PELANCONGAN 2017

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Nama dan permulaan kuat kuasa

BAHAGIAN II

PENDAFTARAN

2. Permohonan untuk mendaftar
3. Pengeluaran nombor pengenalan, dsb.
4. Pengendali hendaklah mempamerkan sijil pendaftaran
5. Pemberitahuan perubahan butir-butir pengendali

BAHAGIAN III

NOTA KREDIT DAN NOTA DEBIT

6. Pengeluaran nota kredit dan nota debit

BAHAGIAN IV

PENYATA DAN PEMBAYARAN

7. Cara membuat penyata
8. Cara mengemukakan penyata
9. Pembayaran cukai pelancongan, penalti, dsb.
10. Pembayaran cukai pelancongan atau penalti secara ansuran
11. Cara menuntut pembayaran balik
12. Pembetulan kesilapan

BAHAGIAN V
PEMBAYARAN BALIK HUTANG LAPUK

13. Cara menuntut bayaran balik hutang lapuk

BAHAGIAN VI
PERKHIDMATAN ELEKTRONIK

14. Tafsiran
15. Penggunaan perkhidmatan elektronik
16. Cara menggunakan perkhidmatan elektronik
17. Penamatan penyediaan perkhidmatan elektronik kepada pengguna berdaftar

BAHAGIAN VII
PENTADBIRAN

18. Pejabat Cukai Pelancongan
19. Waktu pejabat dan waktu pembayaran

BAHAGIAN VIII
PELBAGAI

20. Borang

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

AKTA CUKAI PELANCONGAN 2017

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PELANCONGAN 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 70 Akta Cukai Pelancongan 2017 [Akta 791], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cukai Pelancongan 2017**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2017.

BAHAGIAN II
PENDAFTARAN

Permohonan untuk mendaftar

2. (1) Seseorang pengendali yang memohon untuk didaftarkan di bawah seksyen 10 atau 11 Akta hendaklah memohon dalam Borang TTx-01.

(2) Tiap-tiap borang permohonan bagi pendaftaran di bawah subperaturan (1) hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah melalui cara elektronik.

Pengeluaran nombor pengenalan, dsb.

3. Ketua Pengarah hendaklah memberikan suatu nombor pengenalan cukai pelancongan dan mengeluarkan suatu sijil pendaftaran dalam Borang TTx-02 kepada pengendali yang pendaftarannya telah diluluskan.

Pengendali hendaklah mempamerkan sijil pendaftaran

4. (1) Pengendali hendaklah mempamerkan sijil pendaftaran di tempat yang mudah dilihat di premis penginapannya.

(2) Mana-mana pengendali yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Pemberitahuan perubahan butir-butir pengendali

5. (1) Seorang pengendali hendaklah dengan serta-merta memberitahu pegawai kanan kastam secara bertulis apabila—

- (a) terdapat apa-apa perubahan pada nama perniagaannya;
- (b) terdapat apa-apa perubahan pada alamat mana-mana tempat perniagaannya;
- (c) terdapat apa-apa perubahan pada status perniagaannya;
- (d) terdapat apa-apa perubahan pada pengelasan premis penginapannya; atau
- (e) terdapat apa-apa perubahan pada bilangan bilik premis penginapannya.

(2) Pegawai kanan kastam hendaklah merekodkan perubahan yang diberitahu itu.

(3) Mana-mana pengendali yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.